

04/09/1997

Azman nafi Arab-Malaysian kena siasat

TAN Sri Azman Hashim, Pengerusi kumpulan perbankan Arab-Malaysian, menafikan bahawa kumpulan itu sedang disiasat kerana kegiatan penjualan singkat saham.

"Khabar angin itu adalah tidak betul," katanya ketika dihubungi menerusi telefon, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut khabar angin dalam pasaran selain kumpulan perbankan Arab-Malaysian, sebuah lagi kumpulan kewangan yang besar juga sedang disiasat atas tuduhan yang sama dan kerana membantu pihak asing memanipulasi pasaran mata wang dan pasaran saham.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengesahkan tidak ada tokoh perbankan ternama yang akan didakwa di mahkamah kerana kegiatan berkaitan manipulasi pasaran.

Sementara itu, Azman menyambut baik penubuhan dana RM60 bilion untuk menyokong pasaran saham Kuala Lumpur seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

"Ia adalah satu berita baik untuk rakyat Malaysia kerana mereka akan dapat memiliki saham dan juga digalakkan untuk mengekalkan pegangan saham mereka," katanya.

Walaupun harga saham agak murah, pelabur tidak akan terdorong untuk membeli terutama dalam sebuah pasaran yang lemah, katanya.

Bagaimanapun, memandangkan kini saham akan dimiliki melalui dana itu dan dijual kepada rakyat Malaysia pada satu harga premium, pelabur tempatan akan lebih cenderung untuk membeli, katanya. - Bernama

(END)